

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**KEJOHANAN OLAHRAGA KALI KE-22  
TAHUN 2023 SMK BANDAR TASIK  
SELATAN**

**14 OKTOBER 2023 (SABTU)**  
**8.30 PAGI**  
**STADIUM UPNM, KL**

**YBrs Puan Zahura binti Md Amin,**  
Pengetua SMK Bandar Tasik Selatan.

**YBhg. Puan Sharifah Aminah binti Syed  
Mohssain,**

Pengerusi Jawatankuasa  
Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN)  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**YBrs. Puan Rosmizawati binti Othman,**  
Penolong Kanan Kokurikulum.

**YBrs. Puan Norainon binti Ramli,**  
Penolong Kanan Pentadbiran.

**YBrs. Puan Siti Zainab binti Ramnoon,**  
Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

**YBrs. Puan Norhayati binti Ja'afar,**  
Penolong Kanan Petang.

**YBrs. Puan Illy Safiyah Mak binti  
Abdullah,**  
Penolong Kanan Pendidikan Khas.

Seterusnya, barisan guru-guru kanan,  
guru-guru kaunselor, ahli-ahli  
jawatankuasa PIBG SMK Bandar Tasik  
Selatan, para ibu bapa, penjaga dan

guru-guru yang saya hormati serta  
murid-murid yang dikasihi sekalian

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

## SALUTASI OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi keizinan untuk berucap di majlis yang penuh bermakna ini. Saya lihat anak – anak hari ini penuh bersemangat untuk bersaing secara sihat melalui **KEJOHANAN OLAHRAGA**

## **KALI KE-22 SMK BANDAR TASIK SELATAN TAHUN 2023.**

2. Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada pihak sekolah yang telah menjemput saya untuk merasmikan acara ini dan bertungkus lumus untuk menjayakan program pada hari ini. Syabas dan tahniah saya



ucapkan kerana acara sukan juga adalah usaha kita bersama dalam mencungkil bakat – bakat baharu generasi muda dalam bidang kesukanan.

**Para Guru, Ibu Bapa dan Pelajar Yang Dikasihi Sekalian.**

3. Bidang kokurikulum merupakan salah satu elemen yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Aspek keseimbangan amat dititikberatkan di samping kecemerlangan dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah juga amat penting untuk kemenjadian murid dalam proses membentuk generasi yang bakal

memegang tampuk pemerintahan negara pada masa depan.

4. Sehubungan itu, peranan golongan pendidik amatlah penting bagi memastikan semua aspek ini dapat diterapkan di sekolah kerana penglibatan murid-murid secara aktif dalam aktiviti kokurikulum akan

memberi kesan yang cukup dominan terhadap mereka. Kejohanan olahraga adalah salah satu mekanisme pelaksanaan 2 teras yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu Teras 2: Membangun Modal Insan.

5. Negara kita kini sedang pesat menuju arus kemodenan. Persaingan untuk berjaya dalam pelbagai bidang semakin sengit. Hanya mereka yang benar-benar cemerlang sahaja berupaya merebut peluang yang ada.

Oleh hal yang demikian, murid-murid perlu mengambil peluang untuk menggilap kecemerlangan sebagai bekalan menghadapi cabaran pada masa akan datang.

6. Bagi menempatkan diri untuk menyambung pengajian di IPT, seseorang murid perlu memenuhi

syarat mendapat gred yang cemerlang dalam aspek kokurikulum. Syarat ini sudah pastinya akan memberi kelebihan kepada murid yang sentiasa aktif dalam kokurikulum.

**Para Guru, Ibu Bapa dan Pelajar Yang Dikasihi Sekalian.**

7. Selain aktiviti kokurikulum seperti kesukanan, ada satu lagi platform yang telah sekian lama membangunkan modal insan khususnya dalam keusahawanan iaitu koperasi sekolah. Sebagai Presiden ANGKASA, sudah tentu topik koperasi akan saya sentuh kerana ini juga adalah wadah untuk anak – anak



belajar pelbagai ilmu keusahawanan termasuk dari aspek kepimpinan yang akan membentuk mereka sebagai '*leader*' di masa hadapan.

8. Untuk makluman semua mengikut perangkaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga **31 Disember 2022**, bilangan koperasi sekolah berjumlah

**2,481** dengan keanggotaan seramai **2 juta** individu, syer/yuran sebanyak **RM29.92 juta**, aset **RM439.02 juta** dan perolehan **RM298.76 Juta**.

9. Jangan terkejut kerana sehingga ke hari ini kita telah ada **21 buah koperasi sekolah** yang telah mencapai perolehan lebih **RM1 Juta**. Saya yakin

koperasi sekolah juga mampu untuk menyumbang sekurang-kurangnya RM500 juta kepada perolehan pada tahun ini memandangkan keadaan ekonomi yang telah mula memulih akibat dari Pandemik COVID-19 yang lalu.

10. Saya juga menaruh kepercayaan sekolah ini juga ada potensinya dan mampu untuk mencapai angka perolehan tersebut melalui komitmen dan usaha berterusan yang dijalankan oleh pihak koperasi.

Koperasi sekolah ini banyak fungsinya jika digembeling secara tersusun oleh

anggotanya. Selain membentuk kementerian murid, koperasi sekolah juga dapat bertindak sebagai pusat kebajikan bagi pelajar atau guru yang memerlukan, menjadi penaja aktiviti sekolah contohnya hari kecemerlangan atau hari sukan seperti hari ini serta sebagai pusat

mendapatkan bekalan barangan asas harian.

11. Di ANGKASA kita ada program yang dinamakan Projek Barang Asas 100 iaitu (BA100) di mana koperasi boleh mendapatkan bekalan melalui sistem dalam talian dengan harga yang berpatutan dan ada juga

ditawarkan modal pusingan sebanyak RM10,000.

12. Saya sarankan jualan barang asas ini dipanjangkan juga kepada komuniti setempat khususnya ibu bapa pelajar. Kepada ibu bapa yang turut hadir pada hari ini berilah sokongan kepada produk

dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi sekolah. Kerana melalui koperasi sekolah juga banyak aktiviti yang boleh digerakkan seperti kelas tambahan, jemputan ceramah motivasi dan lain – lain. Pendek kata, cemerlang koperasi sekolah



cemerlang juga pencapaian  
anak – anak anda.

## **Para Guru, Ibu Bapa dan Pelajar Yang Dikasihi Sekalian.**

13. Kepada para guru teruskanlah usaha murni untuk mendidik anak-anak bangsa yang menjadi aset penting kita

semua pada masa hadapan. Semoga segala daya dan usaha yang telah kita semua curahkan ini akan mendatangkan kemaslahatan kepada kita semua serta sentiasa mendapat keredaan Allah SWT.

14. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana kesudian menjemput saya

untuk merasmikan acara yang penuh bermakna pada pagi ini. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** saya merasmikan **KEJOHANAN OLAHRAGA KALI KE-22 SMK BANDAR TASIK SELATAN TAHUN 2023.**

Sekian, WabillahiTaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum W.B.T.